



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 14 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	APA JADI LEMBAGA RUMINAN NEGARA?, DALAM NEGERI, UM -9 USAH BUAT UNTUNG IMPORT AYAM, TELUR, DALAM NEGERI, UM -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3. 4.	AGROBANK RANGKUL TIGA ANUGERAH, NASIONAL, SH -20 MPRA: AGROBANK RANGKUL TIGA ANUGERAH, EKONOMI, UM -35	AGROBANK
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	TIGA BULAN JUALAN MURAH BERI MANFAAT DUA JUTA RAKYAT SELANGOR, CATAT JUALAN LEBIH RM16 JUTA, SELANGOR KINI -ONLINE JELAJAH EHSAN RAKYAT ROADSHOW RECORD SALES OF RM16 MILLION, SIN CHEW DAILY -ONLINE PENGUSAHA UBI KELEDEK UNTUNG BESAR MUSIM BAH, NEGARA, KOSMO -15 ORANG ASLI RISAU AKTIVITI PERTANIAN KETIKA CUACA HUJAN, NEGARA, KOSMO -15 TANAMAN SAYUR TIDAK MENJADI MUSIM HUJAN, NEGARA, KOSMO -16 PENIAGA DAKWA KEDAI JUAL TELUR AYAM PALSU, NEGARA, KOSMO -16 NELAYAN 'BERPESTA' BURU IKAN KEMBUNG, MUKA DEPAN, KOSMO -1 TANGKAP TERMENUNG SATU TAN SEHARI, NEGARA, KOSMO -3 'REVIEWING SUBSIDIES NOT ENOUGH', NATION/NEWS, NST -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pernah dicadang sejak 2014, tiada tindakan serius pulihkan ternakan negara

Apa jadi Lembaga Ruminan Negara?

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan digesa melaksanakan dengan serius Lembaga Ruminan Negara yang pernah dicadangkan sejak lapan tahun lalu bagi membantu memulihkan industri ternakan negara.

Ini termasuk Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedagog Negara (2021-2025) yang mempunyai inisiatif khusus membangunkan industri berkenaan, namun sektor pedaging dilihat masih jauh ketinggalan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Presiden Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Nordin Mat berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang bertanggungjawab dalam reformasi industri berkenaan langsung tidak menampakkan sebarang perubahan sehinggalah Malaysia terpaksa bergantung kepada import untuk menampung keperluan bahan makanan itu.

Katanya, pada masa ini Malaysia hanya mengeluarkan 23 peratus daging lembu dan JPV hanya dilihat 'lebih suka menjaga' import daging sahaja yang bernilai lebih RM3 bilion setahun.

"Saya mahu bertanya kembali kepada JPV apa jadi dengan cadangan Lembaga Ruminan Negara sejak 2014 lagi diumumkan untuk dilancarkan tapi sampai sekarang terus senyap.

"Ini gara-gara JPV sendiri yang tidak mahu ia dilaksanakan kerana dipercayai mereka akan hilang kuasa, sedangkan mereka sendiri tak mampu untuk membangunkan industri ruminan.

"Jadi, perubahan kepemimpinan dalam Kementerian yang diterajui menteri dan timbalan menteri baharu perlu merombak semula JPV ini dari segi komponen kepakaran industri atau perlu ada lembaga ini untuk membangunkan industri," katanya di sini semalam.

Walaupun pelbagai dasar dan insentif dilaksanakan kerajaan,

namun untuk 2020, Malaysia hanya mengeluarkan 23 peratus daging lembu, manakala pengeluaran daging kambing 11 peratus.

Bagi memenuhi keperluan negara, mengikut data Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kerajaan terpaksa mengimport daging yang semuannya berjumlah RM4.2 bilion pada 2021.

Mengulas lanjut, Nordin berkata, sudah terlalu lama JPV berhibernisasi dalam pembangunan industri, apatah lagi

keanggotaan dalam jabatan ini terdiri daripada doktor veterinar yang hanya tahu membuat polisi kesihatan teknikal, namun tidak ada kepakaran dalam pembangunan industri.

Katanya, input daripada JPV kepada Kementerian dan pihak menteri juga tidak menjurus kepada kawalan penyakit sahaja, justeru sudah tiba masanya jabatan berkenaan memerlukan pakar industri dan pengurusan.

"Ia perlu terdiri daripada pa-

kar teknikal dan komersial untuk memajukan industri ruminan secara khusus. Kalau JPV ni terlalu luas bidangnya dari telur, babi, unggas, ruminan, daging, produk asas, latihan, penguatkuasaan dan lain-lain, maka ia agak sukar untuk dimajukan.

"Bagaimanapun, orang yang menerajui lembaga ini perlu dipilih betul-betul, bukan dalam kalangan JPV atau bekas pimpinan JPV. Ia perlu diletakkan ahli perniagaan, atau bekas pegawai tinggi diplomat," katanya.

Usah buat untung import ayam, telur

PETALING JAYA: Kekurangan bekalan dan kenaikan harga melibatkan ayam dan telur tidak harus ditangani dengan pengimportan bekalan dari luar negara kerana ia seolah-olah menunjukkan kerajaan hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa menjelaskan, tindakan mengimport bekalan hanya akan menguntungkan pengimport dan pihak kerajaan hasil daripada jualan di pasaran dan permit import.

Sebaliknya kata beliau, pengeluaran tempatan pula terus dipersalahkan manakala pengguna tidak dapat menikmati harga yang berpatutan.

"Kita sudah ada berapa banyak menteri tetapi tidak ada seorang pun yang benar-benar berjaya menangani isu ini. Isu ini pula sering dipolitikkan. Kita perlukan menteri yang betul-betul faham industri ini, bagaimana untuk menangani masalah dihadapi bukan-

nya jadi oportunis. Hanya fikir dari sudut bisnes semata-mata dengan bawa masuk import.

"Tindakan import ini adalah mengarut, malah ada yang salahkan pengeluar tempatan, tuduh mereka kartel. Ini juga tidak membantu sedangkan kita ada undang-undang. Kita perlu berbalik kepada polisi dan dasar, cari penyelesaian tetapi apa yang paling penting, kita benar-benar perlukan menteri yang bijak," katanya ketika dihubungi.

Pada masa sama katanya, jabatan yang diterajunya sebelum ini sentiasa memastikan pengembangan pengeluaran ternakan berada di tahap efisien, namun usaha itu akan terjejas dengan tindakan mengimport ayam dan telur secara besar-besaran dari luar negara.

"Apabila bekalan ayam dan telur ambil dari luar negara, kalau harga jadi mahal, ia tidak terjual di pasaran tapi Kementerian terus melindungi pihak pengimport bukan pihak pengeluar tempatan," ujarnya.

Agrobank rangkul tiga anugerah

Menerusi kempen dan inisiatif perhubungan awamnya sempena MPRA 2022

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI SHAH ALAM

Agrobank merangkul tiga anugerah berprestij menerusi kempen dan inisiatif perhubungan awamnya sempena Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022 (MPRA 2022) pada Jumaat.

Tiga anugerah tersebut adalah Anugerah Hal Ehwal Awam Terbaik bagi inisiatif dan pencapaian perhubungan awam di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Perlancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022); Anugerah Kempen Bersepadu Perhubungan Awam Terbaik bagi Kempen Hari Kebangsaan Agrobank bertemakan #Berbudi dan Anugerah Komuniti



Rosdi Effendi (japan dari kanan) menerima anugerah yang disampaikan oleh Pengurus Pembangunan Perniagaan PR Newswire Asia Limited, Andrew Lim (empat dari kiri) sempena Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022 (MPRA 2022) pada Jumaat.

Kewangan Terbaik bagi Program Cilik Wang iaitu program perdana pengurusan kewangan Agrobank khusus untuk pelajar sekolah.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Datuk Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank berbesar hati menerima pengiktirafan itu untuk dua tahun berturut-turut oleh Persatuan Perhubungan Awam dan Komunikasi (PRCA) Malaysia di MPRA 2022.

"Anugerah ini adalah satu penghormatan kepada usaha

dan komitmen berterusan bagi seluruh warga kerja Jabatan Pemasaran dan Komunikasi di Agrobank. Pengiktirafan ini melambangkan inisiatif kami dalam mengadaptasikan pelbagai saluran komunikasi khususnya dalam menyampaikan mesej dan nilai teras bank kepada pengguna.

"Usaha ini tidak hanya tertumpu kepada platform media, malah menerusi pelbagai saluran dan inisiatif berpaksiakan akar umbi yang memberi tumpuan khusus dalam melestarikan transformasi sektor pertanian

dan jaminan bekalan makanan di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, tanggunjawab dan amanah dalam menyokong sektor pertanian serta meningkatkan kemampuan sosio ekonomi komuniti yang kurang mendapat liputan dan diberi perhatian telah sebeti dengan DNA warga kerja di Agrobank.

"Justeru kejayaan anugerah ini menandakan inisiatif serta pendekatan-unik kami yang berterusan dalam merealisasikan hasrat murni ini dapat dicapai

sekali gus menggalakkan pembangunan sektor pertanian negara," jelasnya.

Beliau berkata, melangkah ke hadapan, Agrobank akan terus meningkatkan strategi serta mengukuhkan peranan pembangunannya sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dengan memacu pembangunan ekonomi sektor pertanian serta menyokong perniagaan berasaskan pertahtian agar lebih berdaya saing.

Anugerah yang disampaikan ini telah diterima oleh Naib Presiden Kanan Pemasaran dan Komunikasi Agrobank, Rosdi Effendi Mohammed Effendi dalam satu majlis yang diadakan di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada Jumaat lepas.

MPRA ialah anugerah industri yang dianjurkan oleh PRCA Malaysia iaitu sebuah organisasi yang didedikasikan khusus untuk memupuk kecermerlangan perhubungan awam, mengiktiraf kejayaan kempen dan pakar-runding serta pengamal perhubungan awam yang memamerkan hasil kerja yang berkesan seiring dengan kemajuan arena perhubungan awam.

14/12/2022

UTUSAN
MALAYSIA

EKONOMI

85

MPRA: Agrobank rangkul tiga anugerah

PETALING JAYA: Agrobank merangkul tiga anugerah berprestij menerusi kempen dan inisiatif perhubungan awamnya pada Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022 (MPRA 2022), Jumaat lalu.

Tiga anugerah tersebut adalah Anugerah Hal Ehwat Awam Terbaik bagi inisiatif dan pencapaian perhubungan awam di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Perlancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022); Anugerah Kempen Bersepadu Perhubungan Awam Terbaik bagi Kempen Hari Kebangsaan Agrobank bertema #Berbudi dan Anugerah Komuniti Kewangan Terbaik bagi Program Celik Wang iaitu program perdana pengurusan kewangan Agrobank khusus untuk pelajar sekolah.

Mengulas kejayaan itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



AGROBANK menerima tiga anugerah pada Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2022, Jumaat lalu.

Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya amat berbesar hati menerima pengiktirafan itu untuk

dua tahun berturut-turut.

Kata beliau, dengan aspirasi untuk mentransformasikan pertanian melangkaui perbankan,

Agrobank sentiasa berlitizam untuk menyediakan solusi kewangan terbaik serta pendekatan yang holistik bagi produk

dan perkhidmatannya menerusi pelan komunikasi dan kempen perhubungan awam bertinggi dan pelbagai.

"Anugerah ini adalah penghormatan kepada usaha dan komitmen berterusan bagi seluruh warga kerja Jabatan Pemasaran & Komunikasi di Agrobank.

"Pengiktirafan ini melambangkan inisiatif kami dalam mengadaptasikan pelbagai saluran komunikasi khususnya dalam menyampaikan mesej dan nilai teras Bank kepada pengguna. Usaha ini tidak hanya tertumpu kepada platform media, malah menerusi pelbagai saluran dan inisiatif berpaksikan akar umbi yang memberi tumpuan khusus dalam memelihara transformasi sektor pertanian dan jaminan bekalan makanan di Malaysia," katanya dalam kenyataan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2022	SELANGOR KINI	ONLINE	

Tiga bulan jualan murah beri manfaat dua juta rakyat Selangor, catat jualan lebih RM16 juta



SHAH ALAM, 14 DIS: Pelaksanaan program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) dalam tempoh tiga bulan dari September hingga November lepas memberi manfaat kepada lebih dua juta penduduk Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata jualan murah barangan asas fasa pertama itu yang melibatkan 693 lokasi sekitar 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) turut mencatatkan nilai jualan melebihi RM16 juta.

"Program intervensi ini membabitkan subsidi lebih RM5 juta. Dengan jumlah ini kita membantu ramai penduduk meringankan beban belanja barangan dapur.

"Ini sesuatu yang menggembirakan dan wajar diteruskan pada masa hadapan," katanya pada sidang media selepas Majlis Apresiasi JER semalam.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta untuk menjayakan jualan murah di sembilan daerah setiap hari antara 6 September hingga 6 Disember.

Amirudin sebelum itu mengumumkan JER 2.0 diteruskan lagi selama tiga bulan mulai 15 Januari depan dengan anggaran peruntukan sehingga RM15 juta dan menyasarkan 800,000 penduduk.


Program itu akan mendapat kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) serta Koperasi Warga Hijrah Selangor (KoHijrah).



Orang ramai menyerbu jualan murah barangan asas ketika Karnival Jualan Ehsan sempena Aidiladha anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di tapak bazar Ramadan Taman Perwira, Sijangkang, Kuala Langat pada 5 Julai 2022. Foto REMY ARIFIN/SELANGORKINI

"Program kendalian Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor itu menawarkan barang keperluan asas seperti ayam standard pada harga RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan).

Turut dijual pada harga murah ikan kembung atau selayang dengan RM6 setiap pek, minyak masak 5kg (RM25) dan beras 5kg (RM10).



14 DEC, 2022

Jelajah Ehsan Rakyat roadshow record sales of RM16 million

Sin Chew Daily, Malaysia

人民市集 雪大臣：州政府補貼逾500萬 創1600萬銷售額

(沙亚南13日讯) 雪州大臣拿督斯里阿米鲁丁表示，雪州人民市集共创下约1600万令吉的销售额，当中获得州政府超过500万令吉的补贴，并计划明年重启此计划直至联邦政府成功控制食品价格为止。

他说，这不是项赚钱的活动，而是以补贴的方式让民众购买价格便宜食材，协助人民减轻日渐沉重的生活开销。

“这项活动是从8月31日开跑，巡回56个州选区展开食材促销活动，活动几乎每一天都在9个地点进行，现场来支持的人高达约50万人。如果来支持的人，平均家里有4人，那就有200万人受惠。”

阿米鲁丁是今日出席由雪州农业发展机构(PKPS)举办的雪州人民市集慰劳宴时，这么表示。



莫哈末凯里尔(左起)、阿威、阿米鲁丁及玛斯琳安娜在活动后合照。(陈佩玲摄)

擬與農業局合辦市集

阿米鲁丁说，州政府也预计在1月15日再次启动这项雪州人民市集，不过会考虑和其他单位合作，如联邦农业销售局和农业部等。

“目前销售的食材包括鸡肉、牛肉、鸡蛋、开里鱼或吊景鱼、白米

及食用油，至于日后是否会增加其他食材，则有待计划。”

出席者包括掌管雪州基本建设、公共设施、农业及农基工业事务的行政议员依兹汉、雪州农业发展机构首席执行官莫哈末凯里尔、我国著名马来艺人拿督阿威(Datuk Awie)及雪州大臣夫人拿汀斯玛马斯安娜。



14 DEC, 2022

Jelajah Ehsan Rakyat roadshow record sales of RM16 million

[Sin Chew Daily, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

雪大臣：州政府補貼逾500萬 萬銷售額(沙亞南13日訊 >

雪州大臣拿督斯里阿米魯丁表示，雪州人民市集共创下约1600万令吉的销售额，当中获得州政府超过500万令吉的补贴，并计划明年重启此计划直至联邦政府成功控制食品价格为止。他说，这不是项赚钱的活动，而是以补贴的方式让民众购买价格便宜的食材协助人民减轻日渐沉重的生活开销。“这项活动是从8月31日开跑，巡回56个州选区展开食材促销活动

Pengusaha ubi keledek untung besar musim bah

DUNGUN - Seorang pengusaha tanaman ubi keledek meraih rezeki berganda berikutan permintaan tinggi makanan tersebut pada musim tengkujuh ini.

Tengku Muhammad Zulkurnain Tengku Man, 36, berkata, ubi keledek jenis lembayung dan manis Jepun ditanamnya mendapat permintaan tinggi termasuk di Negeri Sembilan dan Selangor.

"Saya tidak menang tangan kerana biasanya jual 100 hingga 150 kilogram sehari. Begitupun permintaan sangat luar biasa hingga melebihi dua kali ganda pada musim tengkujuh ini.

"Ubi keledek varieti lembayung dan manis Jepun yang saya usahakan digemari ramai kerana rasanya yang lebih manis dan tidak berserabut," katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui di kebunnya di Kampung Shukor, Hulu Dungun di

sini semalam.

Tengku Muhammad Zulkurnain berkata, kedua-kedua varieti ubi keledek tersebut enak direbus, dijadikan kerepek serta kuih seperti kuih keria, cek mek molek dan pengat.

Bapa kepada tiga orang anak tersebut berkata, sebelum ini, dia pernah kerugian kira-kira RM15,000 tahun lalu ekoran kebun ubi keledeknya diserang babi hutan.

"Alhamdulillah percubaan kedua saya menanam ubi keledek dengan kebun seluas 0.5 hektar berhasil dengan kira-kira dua tan ubi keledek berjaya dijual sejak bulan lalu.

"Hasil sudah boleh ditunal selepas dua bulan menanamnya. Ubi-ubi itu saya jual dengan harga RM3 sekilogram secara borong, manakala runcit pula RM4 bagi kuantiti sama," katanya.



TENGGU ZULKURNAIN menunjukkan ubi keledek yang ditanamnya di Kampung Shukor, Hulu Dungun semalam.

Orang Asli risau aktiviti pertanian ketika cuaca hujan

GUA MUSANG - Lebih 3,000 penduduk Orang Asli suku kaum Temiar yang tinggal di Tanah Tinggi Lojing di sini berharap aktiviti pertanian dan penerokaan tanah dihentikan semasa musim tengkujuh.

Ketua Penghulu Orang Asli Kelantan, Bidi Ronggeng berkata, penduduk Orang Asli di kawasan itu terdedah dengan risiko ancaman tanah runtuh, hakisan bukit dan banjir lumpur setiap kali cuaca hujan.

Katanya, penduduk Orang Asli masih trauma dengan kejadian runtuh tanah sehingga mengakibatkan banjir lumpur di Kilometer 92, Jalan Gua Musang-Lojing di sini awal tahun lalu.

"Saya harap pihak berwajib

dapat membuat pemantauan rapi di kawasan berisiko yang membabitkan aktiviti kerja-kerja pertanian.

"Aktiviti itu dipercayai berbahaya bukan sahaja untuk masyarakat Orang Asli, namun ia juga melibatkan pengguna jalan raya yang sering melalui jalan Lojing," katanya.

Seorang penduduk Orang Asli, Jeksen Syarif, 53, berkata, penduduk Orang Asli yang tinggal di kawasan tanah pertanian sentiasa bimbang setiap kali musim tengkujuh.

Katanya, mereka hidup dalam keadaan berjaga-jaga sehingga ada yang tidak lena tidur malam.

"Kalau boleh kami mahu pekebun mengurangkan aktiviti kerja



KAWASAN penduduk Orang Asli di Kampung Jedip, Gua Musang yang terfetak berhampiran kawasan pertanian di Lojing.

tanah buat sementara waktu ketika cuaca hujan.

"Apabila habis musim tengkujuh, mereka boleh menjalankan semula aktiviti pertanian. Masyarakat Orang Asli yang tinggal di pinggir kawasan kebun akan jadi mangsa jika berlaku banjir lumpur atau tanah runtuh," katanya kepada pemberita di Tanah Tinggi Lojing di sini semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Mohd. Syahbuddin Hashim berharap pihak berkuasa khususnya Jabatan Alam Sekitar dapat memantau aktiviti berkenaan bagi mengelak kejadian tidak diingini seperti banjir lumpur, hakisan bukit dan tanah runtuh.

14/12/2022

KOSMO

NEGARA

16

Masalah kulat, orang tengah punca harga mahal

Tanaman sayur tidak menjadi musim hujan

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

IPOH - Hasil tanaman pekebun sayur-sayuran di Cameron Highlands berkurangan antara 25 hingga 30 peratus ketika musim hujan, sekali gus menyebabkan sebilangan tanaman tersebut dijual mahal ketika ini.

Pengerusi Pekebun Sayur Melaju Cameron Highlands, Dattuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, penurunan hasil tanaman itu menyebabkan ia dijual mahal kepada pembeli di pasar-pasar borong.

"Harganya pula terus meningkat selepas dijual di pasar-pasar raya atau peruncit. Akhirnya harga sayur yang tinggi diterima pengguna.

"Eiasanya, harga akhir di pasaran meningkat sehingga 50 peratus berbanding nilai yang dijual petani kepada pemborong. Selalunya orang tengah dikawal oleh faktor pengelutaran dan permintaan di pasar borong," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, sayur yang biasa menghadapi peningkatan harga ketika musim tengkujuh termasuk sawi, bayam, cili, pak choy dan parsley.

Syed Abd. Rahman memberitahu, sebagai contoh, sawi dijual lebih RM2 sekilogram berbanding RM1.50 pada hari biasa, cili RM10 sekilogram berbanding RM7 dan bayam 80 sen hingga RM1 berbanding ketika ini melebihi RM2.

Selain itu, ujar beliau, petani juga berhadapan dengan masalah kulat, sekali gus menyebabkan pengelutaran sayur-sayuran berkurangan.

"Cuaca lembap menyebabkan kulat menyerang sesetengah sayur, sekali gus menjadi antara punca pengelutaran berkurangan musim hujan," ujarnya.

Justeru, beliau berharap agar pihak seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu golongan pekebun sayur ketika musim tengkujuh dengan membelinya daripada mereka.

Katanya, FAMA juga boleh menggunakan teknik sejuk bagi menyimpan sayur-sayuran tersebut bagi memastikan bekalan yang sentiasa ada di pasaran.



KUNING telur yang dipecahkan Osman berbentuk bulat dan pejal di Klang sensitasi.

Peniaga dakwa kedai jual telur ayam palsu

KUANG - Seorang peniaga roti canal dan martabak mendakwa telur ayam yang dijualnya di sebuah kedai runcit di sini dipercayai palsu kerana mempunyai ciri yang berbeza dengan telur ayam sebenar.

Peniaga yang banya mahu dikenali sebagai Osman, 57, berkata, perbezaan itu finya diketahuinya ketika menyiapkan roti canal yang ditempatkan pelanggan.

Katanya, kebiasaannya kuning telur yang dipecahkan adalah cair, namun kali ini berbeza apabila berbentuk bulat dan pejal.

"Sangsi dengan keadaan itu, saya cuba mengangkut kuning telur itu dengan tangan, namun tetap tidak pecah dan pejal seperti jeli.

"Malah kulit pada cengkerang telur itu juga boleh dikoyakkan walaupun masih mentah.

"Jika telur ayam biasa kulitnya banya boleh dikoyakkan selepas direbus," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini semalam.

Menurutnya, satu lagi perbezaan antara telur ayam yang dijual di pasaran adalah harga yang lebih mahal.

Sermentara itu, seorang suri rumah, Rosnah Ahmad, 45, berkata, dia tidak perasan perbezaan telur ayam yang dijualnya dengan cerita yang didakwa oleh Osman itu.

Ujaranya, kebiasaannya selepas telur ayam dipecahkan untuk digoreng, dia terus mengacau dengan sudu dan tidak nampak likat seperti jeli.

"Bagaimanapun, selepas mendengar cerita ini, saya akan cuba melihat semula sama ada ia betul seperti diceritakan.

"Keadaan ini menimbulkan kekusaran kepada orang ramai kerana sekiranya telur ayam itu menjadi palsu, pasti sudah ramai yang menjadikannya sebagai lauk atau rencah saripangan untuk dimakan bersama nasi," katanya.

Justeru, Rosnah meminta pihak berkuasa agar dapat melakukan pemeriksaan bagi mengesahkan telur yang dijual di kawasan itu adalah tulen.



HASIL tanaman sayur di Cameron Highlands berkurangan ketika musim tengkujuh menyebabkan harganya melambung di pasaran. - GAMBAR HIASAN

TARIKH

14/12/2022

MEDIA

KOSMO

RUANGAN

MUKA
SURAT

NEGARA

1



Nelayan 'berpesta' buru ikan kembung

NELAYAN di Pulau Pinang, Perak dan Kedah seakan berpesta apabila berpusu-pusu turun ke laut di Pulau Rimau dan Kendi di George Town ekoran

kehadiran begitu banyak ikan kembung atau lebih dikenali sebagai ikan temenung sehingga boleh menangkap lebih satu tan spesies itu sehari.

• BERITA PENUH DI MUKA 3

14/12/2022

KOSMO

NEGARA

3

Perairan Pulau Rimau dan Pulau Kendi jadi lubuk ikan, bukan petanda Tsunami

Tangkap temenung satu tan sehari

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN - Perairan dari Pulau Rimau ke Pulau Kendi di negeri ini kini dikatakan menjadi tumpuan kira-kira 200 nelayan pantai bahagian Selatan negeri ini termasuk dari Kedah serta Perak untuk mencari hasil tangkapan ikan temenung setiap hari.

Nelayan sanggup menghabiskan masa dengan keluar dari awal pagi dan pulang pada waktu petang semata-mata mahu mencari hasil laut burayak itu.

Di sebelah Pantai Timur, musim angin Timur yang berlaku sejak Oktober lalu dan dijangka berakhir hingga April tahun depan menyebabkan kebanyakkan nelayan tidak mampu turun ke laut akibat ribut.

Namun, situasi tersebut dikatakan tidak berlaku di sebelah Selatan negeri ini dan keadaan laut dilaporkan tenang meskipun cuaca yang tidak menentu.

Seorang nelayan di Teluk Kuribar, Roslizan Ramli, 41, berkata, susana di perairan dari Pulau Rimau ke Pulau Kendi kini bagaikan pesta lubuk mencari



SEBAHAGIAN ikan temenung yang ditangkap nelayan.

ikan temenung ketika ini.

Menurutnya, hampir 200 sampan nelayan termasuk dari Kuala Muda di Kedah dan Perak akan datang ke situ setiap hari.

"Rutin keluar menangkap se-



Lokasi tangkapan ikan temenung

gu sehingga pukul 4 petang dan akan membawa pulang hasil laut sehingga satu tan.

"Sebelum peralihan musim atau sebelum Oktober lalu, ikan temenung hanya terdapat di bahagian tengah, namun kini populasinya sudah boleh diperolehi di tepi perairan ini.

"Kami berkongsi rezeki secara beramai-ramai. Tidak langsung tergugat atau terkesan dengan kebanjiran nelayan dari negeri sebelah," ujarnya.

Ketika ini, ikan temenung dijual pada harga RM12 hingga RM13 sekilogram.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai, Universiti Sains Malaysia, Prof. Datuk Aileen Tan pula memberitahu, seluruh perairan Pulau Pinang terletak di labuan migrasi ikan kembung sebak populasi spesies itu memasuki ke Selat Melaka ketika ini hingga Mac depan.

Bagaimanapun, Aileen menolok dakwaan kehadiran populasi ikan temenung yang banyak merupakan petanda bencana Tsunami.

periti biasa. Saya akan keluar selepas subuh dan pulang semula ke jeti pada pukul 1 tengah hari.

"Keadaan air laut tenang dan kadangkala angin. Perubahan iklim dipercayai menyebabkan banyak populasi ikan temenung di kawasan perairan berkenaan.

"Memang ini yang dinamakan

rezeki untuk semua nelayan. Dahulu, nak dapat 10 atau 20 kilogram (kg) temenung pun payah.

Terapi hari ini, saya akan membawa pulang kira-kira 100 hingga 200kg temenung setiap hari," katanya kepada Kosmo/semalaru.

Menurutnya, nelayan dari Kedah dan Perak sanggup memung-



PERAIRAN dari Pulau Rimau ke Pulau Kendi di Pulau Pinang kini menjadi tumpuan nelayan menangkap ikan temenung setiap hari.

COST OF LIVING

'REVIEWING SUBSIDIES NOT ENOUGH'

Govt should also identify, address root cause behind rising prices of goods, say experts

NURADZIMMAH DAIM AND DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

EXPERTS believe the government's focus on re-examining the subsidies system should remain a priority, but it has to be done in tandem with identifying and addressing the root cause behind the rising prices of goods.

Consumers Association of Penang (CAP) senior education officer N.V. Subbarow said the government must first address agricultural output challenges in safeguarding the main source of food for the population.

Citing the current egg shortage, Subbarow, who visits agro-producers and wet markets regularly, said some egg-producing chicken breeders had resorted to selling their poultry.

"They (farmers) said some of their chickens can no longer lay eggs, so they sold the meat.

"The Agriculture and Food Security Ministry must look into the real issue instead of giving more and more subsidies to producers.

"Similar issues are happening with other livestock. I know breeders of milk-producing goats who have sold their livestock as meat,"



A vegetable stall at the Taman Tun Sardon market in George Town. PIC BY DANIAL SAAD

he told the *New Straits Times*.

He said eradicating middlemen, a huge headache for the government, could be achieved by creating more platforms for farmers to sell their products directly to consumers or agencies.

He suggested creating more agricultural centres in regions that would help reduce farmers' transportation costs.

"Some farmers have no choice

but to sell their vegetables to middlemen as they don't have the means to transport them far away. Creating agricultural centres near their farms will greatly help farmers sell their products directly.

"Regular checks and enforcement will also help prevent profiteering by sellers."

On the restructuring of subsidies, Subbarow said capping the amount of subsidised electricity

for domestic users could help them become smarter consumers and prevent wastage.

"As for industries, the prices of goods they produce should reflect the subsidies they receive. Otherwise, they should pay the normal (non-subsidised) industry rates. It's not fair for them to raise prices when they also receive subsidies."

Meanwhile, Associate Professor

Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, an economic analyst at Putra Business School, said while targeted electricity subsidies could reduce energy costs for B40 and M40 households, the move would subject manufacturers to higher tariffs, which could drive up prices of essential items.

He said the government should roll out financial assistance to B40 and M40 households to help them cope with their daily expenses.

"Without subsidies, larger corporations will have to raise the prices of their products to cope with the higher electricity tariff.

"Fuel production will also get more expensive next year since it is expected that the cost of purchasing coal and gas will be 2.5 times higher than now.

"If higher tariff rates translate to price hikes for consumers, then the subsidy revamp will be a futile exercise. So, the best way to implement targeted subsidies is to also give monthly financial assistance in the form of e-vouchers to B40 and M40 households."

He said giving out aid in the form of e-vouchers was more sustainable than distributing cash handouts, which would require the government to borrow more and increase the federal debt.

He said giving aid via e-vouchers should continue until the government could rein in inflation.

He urged the government to fully use the Bantuan Keluarga Malaysia database to identify B40 household that should receive targeted subsidies, while a list of eligible M40 recipients could be obtained from the Inland Revenue Board.